

**Aliran Masuk FDI Berada Pada Landasan Capai US\$10 Bilion Tahun Ini, Kata Mukhriz Bernama  
15 Ogos, 2011**

CYBERJAYA, 15 Ogos (Bernama) -- Aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia kini berada pada landasan untuk mencecah US\$10 bilion pada tahun ini walau pun ekonomi AS berhadapan tinjauan yang suram, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Mahathir.

"Kita kini mempunyai lebih banyak telur di dalam bakul, yang bermakna kita kini tidak terlalu bergantung kepada satu atau dua sumber pelaburan seperti AS dan Eropah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pusat Perkhidmatan Perniagaan Shell di sini hari ini.

Pada 2010, aliran masuk FDI ke Malaysia berjumlah US\$9.1 bilion.

Mukhriz berkata Malaysia boleh mengurangkan kesan sebarang penurunan di segi pelaburan dari mana-mana negara.

"Kita mempunyai FTA (perjanjiann perdagangan bebas) yang telah kita tanda tandani dengan sebilangan negara dan rantau. FTA itu bukan sahaja terhad hanya kepada perdagangan malah turut merangkumi pelaburan."

"Apabila kita mempunyai peraturan sedemikian, syarikat dari negara-negara berkenaan menjadi lebih sedar mengenai jenis insentif yang kita sediakan dan kerana ia berkesan untuk melabur di Malaysia."

"Mereka datang ke sini dan melihat sendiri apa yang kita boleh tawarkan dan dari situ minat (untuk melabur) bermula," katanya.

Mukhriz berkata kementerian dan agensinya juga mengambil langkah agresif mempromosikan Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan yang menarik di negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan dan negara-negara di Timur Tengah.

"Bagi inisiatif sedemikian, sebilangan pertanyaan yang serius seperti ini dilayan oleh Mida (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia)," katanya.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608266>